



PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2010

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

GARIS PANDUAN UNTUK PEMBELIAN KENDERAAN MELALUI PEMBIAYAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI OLEH ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI GRED 44 DAN KE BAWAH

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan memberi satu garis panduan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Gred 44 dan ke bawah yang akan membeli kenderaan dengan menggunakan Pembiayaan Kenderaan Kerajaan Negeri.

2. Latarbelakang

- 2.1 Menyara gaya hidup yang seimbang dengan pendapatan, adalah asas utama untuk mengelakkan anggota perkhidmatan awan dari mengalami kesempitan kewangan yang akhirnya boleh membawa mereka kepada amalan rasuah dan penyelewengan.
- 2.2 Oleh itu adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri, menggalakkan anggota Perkhidmatan Awam hidup dalam kemampuan masing-masing bagi mengelakkan mereka terjerumus di dalam kesempitan dan kesusahan berhutang. Ke arah merealisasikan hasrat ini beberapa langkah telah

diambil dan diantaranya ialah mengawal anggota Perkhidmatan Awam dalam membeli kenderaan mewah melalui Pembiayaan Kenderaan Kerajaan Negeri yang tidak sepadan dengan pendapatan semasa anggota.

3. Skop

- 3.1. Panduan ini adalah terpakai kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan berjawatan gred 44 dan ke bawah sahaja yang akan membeli kenderaan melalui Pembiayaan Kenderaan Kerajaan Negeri.
- 3.2. Syarat-syarat permohonan pembiayaan membeli kenderaan melalui Pembiayaan Kenderaan Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 1994, surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 1995, surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 1997 dan surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2001.

4. Pembelian Kenderaan Mewah

- 4.1 Anggota Perkhidmatan Awam adalah **tidak dibenarkan** membeli kenderaan mewah seperti yang disenaraikan dalam jadual pertama kepada pekeliling ini melalui Pembiayaan Kenderaan Kerajaan Negeri.

5. Pengecualian Kepada Pembelian Kenderaan Mewah

- 5.1 Anggota Perkhidmatan Awam adalah dibenarkan untuk membeli kenderaan mewah sebagaimana di Jadual Pertama pekeliling ini melalui Pembiayaan Kenderaan Kerajaan Negeri **dengan syarat** hayat penggunaan kenderaan berkenaan telah melebihi 10 tahun dan mestilah mendapat kelulusan bertulis daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

6. Penguatkuasaan

- 6.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

7. Kemusykilan

- 7.1 Apa-apa kemosykilan berkenaan Pekeliling Perbendaharan Negeri Bil. 2 Tahun 2010 ini hendaklah dirujuk kepada Perbendaharaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

Bertarikh: 12 Mei 2010

Salinan kepada:

Yang Berhormat Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

JADUAL PERTAMA

SENARAI KERETA MEWAH

1. MENGIKUT JENAMA

ASTON MARTIN	AUDI	MASERATI	TOYOTA HARRIER
BMW	VOLVO	MINI COOPER	TOYOTA CAMRY
BENTLEY	FERRARI	RANGE ROVER	TOYOTA ALPHARD
CHEVROLET	VOLKSWAGEN	ROVER	
PORSCHE	LAMBORGHINI	HONDA ACCORD	
LOTUS	LEXUS	HONDA CRV	
MERCEDES-BENZ	ROLLS ROYCE	HONDA STREAM	

2. MENGIKUT HARGA KENDERAAN BARU

- 2.1 Apa-apa jenis kereta semasa harga barunya, berharga melebihi RM120,000.00
- 2.3 Apa-apa jenis motosikal semasa harga barunya, berharga melebihi RM40,000.00

3. MENGIKUT HARGA KENDERAAN YANG SUDAH TERPAKAI

- 3.1 Apa-apa jenis kereta terpakai, berharga melebihi RM60,000.00
- 3.2 Apa-apa jenis motosikal terpakai, berharga melebihi RM20,000.00

4. MENGIKUT KELAJUAN CC KENDERAAN

- 4.1 Kenderaan yang melebihi 2000 CC dan ke atas.
- 4.2 Motosikal yang melebihi 250 CC dan ke atas.